

PM lancar khidmat SMS Sekolah

UM-17 (5/2006)

KUALA LUMPUR 16 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan khidmat pesanan ringkas sekolah (SMS Sekolah), serentak dengan Pelancaran Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2006, di sini hari ini.

SMS Sekolah ialah sistem komunikasi antara sekolah dengan ibu bapa untuk memantau masalah disiplin dan prestasi pelajar, hasil kerjasama pintar MyPressto.Com. Sdn. Bhd., Kementerian Pelajaran dan Unit Pendidikan Utusan Malaysia.

Menurut Perunding Kumpulan Projek Khas MyPressto.Com., Junairi Jauhari, pihaknya memperkenalkan Perkhidmatan SMS Sekolah yang mampu mengatasi kemelut dan kebimbangan tiga pihak - ibu bapa, guru dan pelajar.

Antara maklumat yang diketengahkan melalui SMS Sekolah ini termasuk kehadiran, kesalahan disiplin, keputusan peperiksaan, aktiviti PIBG, aktiviti persekolahan serta latihan kerja sekolah yang diberikan guru.

"Perkhidmatan SMS Sekolah ini boleh dianggap sebagai satu rangkaian rutin yang membolehkan ibu bapa mendapat maklumat terkini perihal anak-anak di sekolah," kata Junairi.

Menurutnya, pihak sekolah tidak perlu bimbang atau merasa terbeban dengan SMS Sekolah yang diperkenalkan ini kerana sistemnya mudah dikendalikan.

"Sekolah yang melanggan akan dihubungkan terus kepada sistem MyPressto.Com. Sdn. Bhd. menerusi talian Internet," katanya.

Beliau berkata, SMS Sekolah ini dapat mengurangkan beban guru menyediakan maklumat tambahan berkaitan pelajar, meningkatkan penggunaan ICT di sekolah serta menyaksikan pengurusan sekolah yang lebih sistematik.

Menurutnya, MyPressto.Com. Sdn. Bhd. mengkaji aspek ini dengan teliti dan caj perkhidmatan yang dikenakan berpatutan dengan yuran sebanyak RM3 sebulan bagi satu atau dua pelajar dan RM6 sebulan bagi tiga atau lebih pelajar yang dicalkan melalui telefon bimbit dan SMS.

"Malahan, yang menariknya caj bagi setiap perkhidmatan SMS yang diterima atau dihantar adalah percuma," katanya.

Bagaimanapun bagi ibu bapa yang enggan melanggan perkhidmatan SMS Sekolah, mereka tidak akan dikenakan yuran sebaliknya dikenakan caj bagi setiap SMS dengan kos 30 sen sahaja.